

KELEMAHAN PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG BAGI MENDAKWA KESALAHAN KEGAGALAN MEMBAYAR ZAKAT PERNIAGAAN DI MALAYSIA

Oleh: Mohd Hasanuddin Bin Mohd Yusof
(Pegawai Penyelidik YAA Hakim Syarie Negeri Melaka)

Istilah zakat (زكاة) berasal dari perkataan زكى yang bermaksud suci. Oleh itu zakat zakat ialah penyucian harta. Zakat merupakan amalan yang utama dalam Islam. Ianya salah satu daripada rukun Islam. Hukum menunaikan zakat ialah fardhu ain. Oleh itu, setiap orang Islam yang enggan menunaikan zakat, maka dia akan memperolehi dosar yang besar.

Kefardhuan membayar zakat ialah berdasarkan kepada dalil-dalil yang berikut :

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk) dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui. (At Taubah : 103)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّ كَثِيرًا مِّنَ الْأَخْبَارِ وَالرُّهْبَانِ لَيَكُونُونَ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْبَاطِلِ وَيَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ
الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا ينفقونها فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ

Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya banyak di antara pendeta-pendeta dan ahli-ahli agama (Yahudi dan Nasrani) memakan harta orang ramai dengan cara yang salah dan mereka menghalangi (manusia) dari jalan Allah (agama Islam). Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya. (At Taubah : 34)

Zakat terbahagi kepada dua iaitu zakat fitrah dan zakat harta. Ulama-ulama fiqh pula membahagikan zakat harta kepada lima jenis iaitu *al-‘ayn* (emas, perak dan wang simpanan), *al-tijarah* (perniagaan), *al-harth* (pertanian) *al-mashiyyah* (ternakan) dan *al-rikaz* (hasil dari perut bumi) (Wahbah al-Zuhaili, 1994: 849)

KEWAJIPAN MEMBAYAR ZAKAT PERNIAGAAN

Zakat perniagaan merupakan satu kewajipan yang perlu dijalankan oleh peniaga-peniaga Islam di Malaysia dalam semua bidang perniagaan termasuk pembuatan, perkhidmatan, pertanian, pengangkutan, pemborongan dan sebagainya serta dalam semua bentuk perniagaan sama ada persendirian, perkongsian sesama Islam atau dengan bukan Islam, pensyarikatan, koperasi, perniagaan saham dan sebagainya.

Terdapat dalil yang khusus tentang kewajipan mengeluarkan zakat perniagaan antaranya ialah seperti berikut :

Dalil Al Quran :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْفِقُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ وَلَا تَيَمَّمُوا الْخَبِيثَ مِنْهُ تُنْفِقُونَ وَلَسْتُمْ بِآخِذِيهِ إِلَّا أَنْ تُغْمِضُوا فِيهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ عَنِّي حَمِيدٌ

Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu dan janganlah kamu sengaja memilih yang buruk daripadanya (lalu kamu dermakan atau kamu jadikan pemberian zakat), padahal kamu sendiri tidak sekali-kali akan mengambil yang buruk itu (kalau diberikan kepada kamu), kecuali dengan memejamkan mata padanya dan ketahuilah, sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi sentiasa Terpuji. (Al Baqarah : 267)

Dalil Hadith:

“Rasulullah s.a.w memerintah kami supaya mengeluarkan zakat ke atas barangan yang disediakan untuk dijual” (Riwayat Abu Dawud)

AMALAN ZAKAT PERNIAGAAN DI MALAYSIA

Hasil kutipan zakat di Malaysia sangat tidak memberangsangkan. Sebagai contoh, di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, daripada 5,000 orang peniaga yang layak mengeluarkan zakat, hanya 10% yang membayar zakat perniagaan ke pejabat zakat iaitu kira-kira 500 orang peniaga. Ini bermakna masih terdapat 4,500 orang peniaga yang layak mengeluarkan zakat tetapi tidak membayar zakat perniagaan. *(Ram Al Jafri Saad, Zainol Bidin, Kamil Md Idris & Mad Hair Md Hussain. (2010). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Gelagat Kepatuhan Zakat Perniagaan. Jurnal Pengurusan 30. Hlm 49-61)*

KEPENTINGAN PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG DAN PENGUATKUASAAN

Undang-undang dan penguatkuasaan zakat amat perlu dalam menentukan kepatuhan membayar zakat. Dengan adanya penguatkuasaan undang-undang, masyarakat akan menyedari bahawa zakat merupakan suatu kewajipan serta tanggungjawab terhadap agama dan sosial yang harus ditunaikan oleh warganegara. Berkaitan dengan penguatkuasaan undang-undang, terdapat hubungan langsung di antara tanggapan individu kepada undang-undang zakat dan kebarangkalian pembayaran zakat. *(Sanep Ahmad, Zulkifli. (2010). Model Gelagat Pematuhan Dan Pengelakan Zakat: Suatu Tinjauan Teori. Seventh International Conference – The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy)*

TANGGUNGJAWAB PEMERINTAH DALAM MENGUATKUASAKAN ZAKAT

Islam memandang serius terhadap zakat sehingga zakat dimasukkan dari bahagian rukun Islam. Oleh itu, bagi mereka yang enggan membayar, menurut Ibnu Hazam mereka mesti diperangi.

Pemerintah diharuskan oleh syarak untuk merampas harta orang yang enggan membayar zakat. Nabi Muhammad SAW bersabda *“Barang siapa membayar zakat kerana ingin memperoleh pahala, maka baginya pahala zakat itu. Barang siapa menahannya (enggan mengeluarkan zakat), maka kami akan mengambilnya. Setengah dari hartanya diambil sebagai pembayaran denda kepada Rabb kita. Tidak halal bagi keluarga Muhammad sedikit pun dari zakat itu”*. (Prof Dr Muhammad Al Sayyid Yusuf. (2008). *Tafsir Ekonomi Islam (Konsep Ekonomi Al Quran)* Hlm 203).

Oleh yang demikian, jelaslah kepada kita bahawa Islam memberikan tanggungjawab kepada pemerintah (negara) untuk mengutip zakat dan membahagikannya. Zakat ialah kewajiban harta yang diambil daripada orang-orang kaya untuk diberikan kepada orang-orang miskin. Ia dikutip oleh penguasa atau pemerintah melalui petugas yang disebut dalam Al Quran sebagai amil zakat. Merekalah yang bertugas mengaturkan urusan zakat daripada mengutip, menyimpan, menghitung hingga membahagikannya.

Untuk mengawal pelaksanaan zakat, Islam bertumpu kepada tiga faktor berikut: Pertama, kawalan iman dan nurani individu Muslim yang mendorongnya untuk menunaikan zakat demi memperoleh keredaan Allah dan demi mengharapkan pahalanya dan terhindar dari siksaanNya. Kedua, kawalan sosial berupa masyarakat Islam yang ditugaskan untuk amar ma'ruf nahi mungkar dan saling menasihati dalam kebenaran dan kesabaran. Ketiga, kawalan daripada pemerintah Islam yang mendapat amanah untuk mengambil zakat secara paksa daripada orang-orang yang tidak mahu memberikannya secara suka rela. (Dr Yusuf Al Qaradhawi. (2009). *Nilai-nilai dan Akhlak Dalam ekonomi Islam*. Hlm 615)

Berdasarkan kepada amalan sahabat pula, Khalifah Islam yang pertama iaitu Saidina Abu Bakar As Siddiq pernah melancarkan perang ke atas golongan yang enggan membayar zakat. Dalam ucapannya yang masyhur itu, beliau berkata *“Demi Allah, jika mereka enggan menyerahkan ‘lqal (tali pengikat binatang) yang dulu pernah mereka serahkan kepada Rasulullah SAW (dalam membayar zakat), pasti aku perang mereka”*

Ibnu Mundzir berkata *“Seandainya suatu negeri dikuasai oleh orang-orang yang derhaka, hingga penduduk belum membayar zakat mereka selama bertahun-tahun, kemudian negeri itu dapat direbut oleh pemerintah (yang beriman), maka menurut Imam Malik, Syafi’e dan Abu Thauri, hendaklah dia (pemerintah) memungut dari mereka (rakyat) zakat masa lalu (yang belum dibayar)”*.(Sayyid Sabiq. (2001). *Fiqh Sunnah*. Jld 3. Hlm 83)

KELEMAHAN PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG DAN PENGUATKUASAAN

Di Malaysia terdapat kelemahan yang ketara pada peruntukan undang-undang dan penguatkuasaan ke atas kewajipan membayar zakat perniagaan. Terdapat peruntukan undang-undang tentang kesalahan tidak membayar zakat seperti ***Seksyen 16 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997*** yang menyatakan bahawa *“Mana-mana orang yang wajib membayar zakat atau fitrah tetapi enggan membayar atau dengan sengaja tidak membayar zakat atau fitrah itu; atau enggan membayar atau dengan sengaja tidak membayar zakat atau fitrah itu melalui amil yang dilantik, atau mana-mana orang lain yang diberikuasa, oleh Majlis untuk memungut zakat atau fitrah, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya”*.

Namun begitu, ***Seksyen 2 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997*** pula tidak membuat sebarang pentafsiran tentang maksud ‘orang’ sama ada ianya termasuk syarikat, perkongsian atau sebagainya. Ini menyebabkan undang-undang ini boleh dicabar sekiranya syarikat yang tidak membayar zakat dihadapkan ke mahkamah. Ini menunjukkan peruntukan undang-undang ini bersifat umum dan tidak dikhususkan kepada zakat perniagaan yang menyebabkan terdapat banyak kelemahan padanya.

Jika dibandingkan dengan undang-undang percukaian di Malaysia, amat jelas ketara kelemahan pada undang-undang yang berkaitan dengan zakat perniagaan berbanding cukai perniagaan. Sebagai contoh, ***Seksyen 2 Akta Cukai Pendapatan 1967*** dengan jelas menyatakan bahawa ‘orang’ adalah termasuk syarikat, kumpulan orang-orang dan perbadanan perseorangan”.

Seksyen 144 dari akta yang sama menyatakan *“Mana-mana orang yang dengan sengaja dan dengan niat untuk melarikan atau membantu mana-mana orang lain untuk lari cukai .. adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, di atas sabitan kesalahan, boleh dikenakan denda tidak kurang daripada satu ribu ringgit dan tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan hendaklah membayar suatu penalti khas sebanyak tiga kali ganda amaun cukai yang telah berkurang dikenakan akibat kesalahan itu atau yang telah berkurang dikenakan jika kesalahan itu tidak dikesan”*. Oleh itu, maksud ‘orang’ dalam **Seksyen 144 Akta Cukai Pendapatan 1967** ialah termasuk syarikat, perniagaan perkongsian atau perbadanan selain daripada individu. Dengan tafsiran yang diberikan oleh **seksyen 2 Akta Cukai Pendapatan 1967**, maka tindakan undang-undang dapat diambil ke atas syarikat-syarikat atau peniaga-peniaga yang gagal membayar cukai.

PERBANDINGAN DENGAN PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG DI ARAB SAUDI

Sebagai perbandingan, undang-undang yang berkaitan dengan zakat perniagaan di Negara Arab Saudi dilihat lebih baik. Kewajipan membayar zakat perniagaan jelas dinyatakan dalam undang-undang. Sebagai contoh, **Peraturan 3 Peraturan-peraturan Zakat Kerajaan Arab Saudi** menyatakan *“Modal dan hasil, resit, keuntungan dan pendapatan pembayar zakat dari perdagangan, aktiviti industri, usaha peribadi, harta kewangan dan harta benda, daripada apa jua jenis dan bentuk, dan termasuk kewangan dan tawaran perdagangan, dividen, secara umum apa-apa jenis penerimaan yang dikenakan zakat mengikut Perundangan Islam, adalah tertakluk kepada zakat”*

Atas sebab kelemahan inilah, peniaga-peniaga Islam yang layak berzakat tetapi enggan membayar zakat perniagaan tidak didakwa di mahkamah. Malah dalam bidang guaman sendiri, ramai peguam-peguam muslim yang membayar cukai perniagaan tapi gagal membayar zakat perniagaan. Sedangkan perniagaan berbentuk perkhidmatan juga wajib dikenakan zakat.

KESIMPULAN

Antara faktor terbesar yang menyumbang kepada kegagalan peniaga atau syarikat Islam membayar zakat perniagaan adalah kerana kelemahan peruntukan undang-undang dan penguatkuasaan. Jadi, kesimpulannya, peruntukan undang-undang berkaitan zakat perniagaan perlu diperbaiki. Barangkali kegagalan orang-orang Islam membayar zakat perniagaan merupakan penyebab kegagalan orang-orang Islam menguasai ekonomi di Malaysia. Wallahu 'Alam